

Pinjaman \$5,000 juta daripada Jepun

Sektor swasta' berhak terima 'pemberian'

SUBANG, Rabu -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa sektor swasta di negara ini berhak menerima 'pembahagian' menerusi peruntukan \$5,000 juta (AS\$2,000 juta) pinjaman kewangan daripada Jepun kepada negara-negara Asean.

"Terpujanglah kepada sektor swasta di negara ini menentukan projek-projek yang akan dilaksanakan. Mereka boleh melakukan sesuatu projek sama ada secara usahasama atau sebaliknya," katanya kepada pemherita di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini hari ini, sekembalinya daripada menghadiri sidang puncak ketua-ketua negara Asean ketiga di Manila yang berakhir semalam.

Ketibaan rombongan Datuk Seri Dr Mahathir dengan pesawat khas disambut oleh isterinya, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali. Turut berada di lapangan terbang ialah beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Dr Mohd Yusof Nor; Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hashim Mohd Ali dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Menyifatkan bantuan itu sebagai unik kerana inilah pertama kali ia ditawarkan kepada sektor swasta, Perdana Menteri berkata sektor swasta perlu menggariskan apakah yang perlu mereka lakukan untuk mendapat pinjaman dengan kadar bayaran balik hanya empat peratus itu.

Pelaburan

Katanya, setakat ini, jumlah yang akan diberikan kepada Malaysia untuk digunakan oleh sektor swasta masih belum diketahui. Ia akan dibincangkan kemudian.

"Ia bergantung kepada projek-projek yang akan dilaksanakan," tambahnya.

Pinjaman itu diperolehi hasil rundingan ketua-ketua negara Asean yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Jepun, Encik Noburo Takeshita di Manila, semalam.

Beliau menjelaskan, pinja-

man menerusi Tabung Pembangunan Asean-Jepun (AJDF) yang dicadangkan itu, dibahagikan kepada dua kategori iaitu pinjaman untuk projek-projek Asean dan projek-projek nasional di negara-negara Asean. Pinjaman itu tidak membabitkan pembiayaan projek-projek infrastruktur sebagaimana diberikan sebelum ini.

Beliau yakin, langkah itu akan dapat meningkatkan pelaburan Jepun di negara ini di samping memajukan sektor swasta di negara-negara Asean.

"Kita menyambut baik usaha Jepun itu. Kita tidak memintanya. Ia adalah tawaran yang diberikan kepada kita," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Jepun akan memberi pinjaman berasingan kepada Malaysia untuk membiayai fasa kedua Projek Gas Semenanjung. Pinjaman itu juga dengan kadar bayaran balik empat peratus.

Projek memasang saluran paip dari Kertih di Terengganu hingga ke kawasan selatan itu bernilai \$527 juta. Peringkat pertama berharga \$1.3 ribu juta sudah pun siap.